



UPM Raih Lima Anugerah Pada Festival Filem & Video Pelajar Malaysia Keenam



Peserta dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM mendapat naib juara Anugerah Perdana kategori Filem/Video Pendek Terbaik menerusi karya Kasih Mastura pada Malam FFVPM baru-baru ini.

SERDANG, 10 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) meraih lima anugerah pada Malam Anugerah Festival Filem & Video Pelajar Malaysia (FFVPM) baru-baru ini.

UPM mendapat naib juara Anugerah Perdana kategori Filem/Video Pendek menerusi Kasih Mastura menerima RM700 dan kamera video Panasonic AVCHD bernilai RM8000 yang disampaikan oleh Ketua Pengarah Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS), Mohd Mahyidin Mustakim.

Kasih Mastura turut meraih Skrip Terbaik menerusi Noor Hidayah Ismail dan Abd Yazid Muslimin, Pelakon Pembantu Wanita Terbaik oleh Suriani Abd. Kadir dan Anugerah Sinematografi Terbaik oleh Nurul Ekhwani Haque.

Selain itu, UPM menjuarai kategori Anugerah Filem/Video Animasi Terbaik menerusi karya bertajuk Hijau dengan menerima wang tunai RM1000.

Sebanyak 31 anugerah dipertandingkan yang dibahagikan mengikut tiga kategori utama iaitu Anugerah Perdana-Filem Pendek, Anugerah Perdana-Dokumentari dan Anugerah Cipta.

Barisan juri hakim terdiri daripada Prof. Madya Dr. Asiah Sarji (Ketua), Zainal Ariffin Ismail (TV3), Zaki Abdul Rahim (Penerbit), Norshahila Haron Shah (Primework), Syed Mohamad Syed Hassan (PPFM) dan Letfee Ahmad (Bernama Radio).

Ketua Pengarah FINAS, Mohd Mahyidin Mustakim berkata FFVPM kali keenam yang dianjurkan oleh Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK) UPM dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) mencetus kegemilangan pengkaryaan, pembudayaan serta aspirasi terhadap filem-filem tempatan.

"Menerusi festival ini, ianya bukan sahaja dapat mengilap bakat dan daya kreatif pelajar, malah juga mampu memberi ruang pendedahan dan pengalaman kepada para peserta tentang dunia perfileman sebenar," katanya.

Semua 10 karya yang bertanding untuk kategori Anugerah Perdana telah pun mendapat tempat untuk disiarkan di ASTRO menerusi saluran Kirana.

Sepanjang tiga hari festival tersebut yang berlangsung di FBMK, pelbagai aktiviti perfileman diadakan seperti pameran teknologi perfileman, tayangan dan apresiasi filem-filem terpilih diadakan selain 30 gerai jualan termasuk gerai penaja seperti Panasonic, Astro, FINAS dan Kosmo! .

Anugerah tersebut disertai 15 Institusi Pengajian Tinggi di kalangan pelajar jurusan perfileman, komunikasi dan multimedia.

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti, Bahagian Komunikasi Korporat, UPM.